

RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

ANTIBIOTIK-ANTIBIOTIK QUINOLONE



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Adding years of healthy life



A member of the NUHS



A member of the NUHS



Jurong Health SingHealth



MENGENAI ubat anda

Quinolone merupakan sesuatu kumpulan antibiotik yang boleh digunakan dalam rawatan jangkitan-jangkitan bakteria. Ini termasuk jangkitan-jangkitan saluran air kencing, saluran pernafasan, sistem gastrousus, mata dan telinga.

Contoh-contoh antibiotik quinolone ialah ciprofloxacin, levofloxacin, ofloxacin, moxifloxacin, gatifloxacin dan nalidixic acid.

BAGAIMANAKAH saya mengambil ubat ini?

Formulasi oral ciprofloxacin, levofloxacin dan nalidixic acid patut diambil dengan perut kosong. Formulasi oral moxifloxacin, gatifloxacin dan ofloxacin boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Jangan minum susu atau ambil produk-produk tenusu, ubat-ubat untuk masalah penghadaman seperti antasid atau ubat-ubat yang mengandungi besi, zink, kalsium atau aluminium pada waktu yang sama dengan quinolone. Bahan-bahan ini boleh bergabung dengan quinolone dan mengurangkan penyerapannya oleh badan. Bahan-bahan ini patut diambil 2 – 4 jam berasingan dengan quinolone.

Semua antibiotik yang dipreskripsi kan patut diambil sampai habis walaupun anda mungkin sudah berasa keadaan bertambah baik atau simptom-simptom anda sudah reda kerana rawatan yang tidak mencukupi boleh mengakibatkan jangkitan berulangan atau menyebabkan terjadinya rintangan terhadap rawatan.

Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku untuk ubat ini?

Anda mungkin mengalami mual, muntah atau anoreksia atau gangguan rasa pada lidah yang ringan (sarapan kecil yang lebih kerap atau penghisapan lozeng boleh membantu melegakan simptom-simptom ini). Anda mungkin mengalami peningkatan kepekaan terhadap Cahaya matahari (gunakan penghalang cahaya, memakai pakaian yang terlindung serta mengelakkan pendedahan berlebihan terhadap cahaya matahari semasa anda sedang mengambil ubat-ubat ini).

Sesetengah kesan sampingan lain biasa termasuk dispepsia, kesakitan perut, cirit-birit, kesakitan kepala dan kepeningen.

Jumpa doktor dengan segera jika anda mengalami ruam kulit, kesakitan atau inflamasi sendi atau tendon, kebengkakan muka, kesukaran bernafas atau cirit-birit teruk yang berdarah. Anda patut jumpai doktor dengan segera jika anda mengalami kesakitan dada atau jantung yang berdebar.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor dan ahli farmasi jika

- anda menghidapi penyakit-penyakit seperti sawan, kekurangan G6PD, myasthenia gravis.
- anda sedang mengambil ubat-ubat lain (terutamanya sesetengah ubat tahan sakit seperti NSAIDs, theophylline, cyclosporin, probenecid, anticoagulants seperti warfarin), sediaan-sediaan jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.
- anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat lain atau jika alahan berlaku semasa mengambil ubat ini. Simptom-simptom alahan termasuk salah satu atau lebih daripada yang berikut: kebengkakan muka/mata/bibir mulut, kesukaran bernafas atau ruam kegatalan kulit yang merebak.
- anda sedang menyusui anak, hamil atau mungkin hamil semasa khusus rawatan dengan ubat ini.
- anda menghidapi penyakit jantung atau sedang mengambil sebarang ubat untuk mengaturkan kadar dan irama denyutan jantung.
- anda menghidapi penyakit sawan atau sedang mengambil ubat untuk mencegah sawan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering pada suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali diarahkan untuk membuat demikian.